

# Kia Optima GT serba baharu

➔ Generasi keempat ditawarkan dengan harga RM179,888 seunit

Oleh Suffian A Bakar  
suffian@bh.com.my

**N**aza Kia Malaysia, penganjur rasmi kenderaan Kia di negara ini, memperkenalkan Kia Optima GT serba baharu bagi pasaran tempatan.

Generasi keempat Kia Optima itu hanya boleh didapati di negara ini dalam varian GT.

Ketua Pegawai Operasi (COO) Naza Corporation Holdings Sdn Bhd, Datuk Samson Anand George, berkata rekaan

baharu memberikan pembeli reka bentuk lebih agresif, sporty, dengan gril hadapan Dot Array Mesh Satin Chrome, bumper hadapan lebih sporty dan bumper belakang baharu.

“Apa yang anda saksikan

hari ini daripada Kia ialah ekspresi prestasi dan gaya kontemporari, satu kelas di atas yang lain,” katanya pada majlis pelancaran model terbaru itu di Kuala Lumpur, semalam.

## Transmisi enam kelajuan

Kuasa pada Kia Optima GT baharu itu dibekal enjin petrol turbocaj Theta II 2.0 T-GDI dengan transmisi enam kelajuan.

Ia mampu menghasilkan 242hp pada 6,000 rpm dengan tork impresif 350 Nm daripada hanya 1,400 rpm.

Ini menjadikan Kia Optima GT ini antara kenderaan paling berkuasa dalam kelasnya dan sebaris beberapa sedan Eropah

berkuasa tinggi.

Angka prestasi kenderaan itu juga mengagumkan. Kia Optima GT ini boleh memecut 0-100km/j hanya dalam 7.4 saat, manakala penggunaan bahan api pula pada 8.5 liter bagi 100 kilometer secara keseluruhan.

## Model terbaru

Model terbaru Kia ini dilengkapi enam beg udara, iaitu dua di hadapan, dua di bahagian sisi selain beg udara tirai.

**Kia Optima GT baharu ini meraih lima bintang pada ujian EuroNCAP; lima bintang di Asian NCAP; 5.1 bintang di US NCAP dan penarafan gred pertama di ujian Korean NCAP.**

Ada banyak lagi ciri dala-

man canggih seperti skrin TFT LCD 7-inci bagi sistem hiburan yang turut menampilkan ciri penyambungan, antaranya MP3, MP4, Bluetooth dan iPod.



**Info**

**Kia Optima GT serba baharu**

- Enjin petrol turbocaj Theta II 2.0 T-GDI dengan transmisi enam kelajuan
- Menghasilkan 242hp pada 6,000 rpm dengan tork impresif 350 Nm daripada hanya 1,400 rpm



**Samson Anand** (kiri) pada pelancaran model Kia Optima GT serba baharu di Kuala Lumpur semalam.